

Pengurusan Pertikaian Agama di Malaysia Melalui Pendekatan Penyelesaian Alternatif (Alternatif Dispute Resoution)

BITARA

Volume 7, Issue 4, 2024: 133-146
© The Author(s) 2024
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 8 September 2024
Accepted: 3 October 2024
Published: 23 October 2024

[The Management of Religious Disputes in Malaysia Through Alternative Dispute Resolution (ADR) Mechanisms]

Nur Farhana Abdul Rahman,¹ Jaffary Awang¹ & Sri Rahayu Dollah^{1*}

1 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, MALAYSIA.
E-mail: nfarhana@ukm.edu.my; jaffary@ukm.edu.my

*Corresponding Author: nfarhana@ukm.edu.my

Abstrak

Penyelesaian Pertikaian Alternatif (PPA) atau disebut sebagai *Alternative Dispute Resolution* (ADR) merupakan satu alternatif pengurusan pertikaian agama yang melibatkan proses undang-undang yang kurang memakan masa dan melibatkan kos yang lebih murah dalam menyelesaikan pertikaian. Namun, penggunaannya di Malaysia didapati mempunyai halangan dan cabaran terutamanya dalam menyelesaikan isu antara agama. Justeru artikel ini membincangkan konsep penyelesaian pertikaian alternatif (PPA/ADR) serta cabarannya dalam pengurusan isu antara agama di Malaysia. Artikel ini merupakan artikel secara sorotan literatur yang berkaitan dengan konsep dan jenis pendekatan pertikaian alternatif yang sesuai digunakan dalam pengurusan pertikaian isu antara agama di Malaysia. Hasil utama kajian mendapati bahawa terdapat tiga pendekatan yang alternatif yang digunakan dalam pengurusan isu antara agama di Malaysia iaitu rundingan, mediasi dan abritari. Setiap satu pendekatan ini digunakan terhadap isu yang sesuai dengan matlamat pendekatan tersebut. Cabaran utama dalam pelaksanaan penyelesaian pertikai alternatif adalah kebolehan mengurus campur tangan pihak luar yang memburuk keadaan, latihan profesional ADR, personaliti yang perlu ditunjukkan oleh fasilitator, mediator, arbitrator serta kerjasama kedua-dua pihak yang bertikai semasa proses penyelesaian dijalankan. Oleh itu, penyelidik berharap kajian lanjut akan dijalankan untuk mengatasi halangan dan cabaran tersebut serta membuka mata masyarakat terhadap penggunaan kaedah penyelesaian pertikaian alternatif dalam menangani konflik agama.

Kata kunci: Pengurusan Konflik Agama, Penyelesaian Pertikaian Alternatif, Toleransi Agama.

Abstract

Alternative Dispute Resolution (ADR) is an alternative method for managing religious disputes, involving legal processes that are less time-consuming and more cost-effective in resolving conflicts. However, its application in Malaysia faces barriers and challenges, particularly in addressing interfaith issues. Therefore, this article discusses the concept of Alternative Dispute Resolution (ADR) and its challenges in managing interfaith issues in Malaysia. The article is a literature review of concepts and types of alternative dispute resolution approaches suitable for managing interfaith conflicts in the country. The key findings reveal that three alternative approaches are employed in managing interfaith issues in Malaysia, namely Negotiation, Mediation, and Arbitration. Each of these approaches is applied according to the specific issue and the intended goals of the method. The primary challenges in implementing alternative dispute resolution include managing external

interventions that worsen the situation, the professional training of ADR practitioners, the personalities required of facilitators, mediators, and arbitrators, as well as the cooperation of both disputing parties during the resolution process. Therefore, the researchers hope that further studies will be conducted to overcome these barriers and challenges, while also raising public awareness of the use of alternative dispute resolution methods in handling religious conflicts.

Keywords: Religious Conflict Management, Alternative Dispute Resolution, Religious Tolerance.

Cite This Article:

Nur Farhana Abdul Rahman, Jaffary Awang & Sri Rahayu Dollah. (2024). Pengurusan Pertikaian Agama di Malaysia Melalui Pendekatan Penyelesaian Alternatif (Alternatif Dispute Resoution) [The Management of Religious Disputes in Malaysia Through Alternative Dispute Resolution (ADR) Mechanisms]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 7(4): 133-146.

Pengenalan

Di Malaysia, kepelbagaian agama adalah satu ciri unik yang memperkaya budaya dan masyarakat. Namun, kadangkala timbul pertikaian yang berkaitan dengan isu-isu antara agama yang memerlukan penyelesaian yang bijaksana dan sensitif. Dalam menangani masalah ini, penggunaan Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) telah menunjukkan keberkesanan yang tinggi. Penyelesaian Pertikaian Alternatif atau *Alternative Dispute Resolution* (ADR) adalah kaedah penyelesaian pertikaian tanpa perlu melalui proses mahkamah yang formal. ADR melibatkan pelbagai teknik seperti mediasi, arbitrase, dan negosiasi yang membantu pihak-pihak yang terlibat mencapai persetujuan secara damai. Di Malaysia, ADR semakin mendapat perhatian dalam menguruskan isu-isu antara agama kerana ia menawarkan penyelesaian yang lebih fleksibel, kos efektif, dan mengurangkan ketegangan antara komuniti yang berbeza.

Bagi menangani konflik antara penganut agama yang berlaku, pelbagai pendekatan-pendekatan yang digunakan mengikut isu dan situasi konflik tersebut ini kerana jika tidak dibendung konflik antara penganut agama ini mungkin akan membawa kepada kesan yang lebih besar lagi. Dalam konteks negara ini, Malaysia juga tidak ketinggalan dalam melakukan pelbagai usaha dan sering mencari pendekatan yang sesuai. Namun begitu, terdapat beberapa kajian yang menyatakan bahawa pendekatan penyelesaian alternatif atau disebut sebagai '*Alternative Dispute Resolution* (ADR)' sesuai untuk digunakan bagi menyelesaikan konflik secara lebih mudah dan cepat. Kaedah ini tidak tertumpu kepada kaedah perbicaraan di mahkamah seperti mana yang biasa dilaksanakan dalam menangani konflik (Nurul Husnah Omar et al. 2017). Dalam konsep pendekatan alternatif tersebut, terdapat beberapa kaedah alternatif yang boleh dilaksanakan iaitu '*arbitration*' (timbang tara/tahkim), '*mediation*' (mediasi) dan '*conciliation*' (perdamaian) (Nur Khalidah Dahlan et al. 2017).

Metodologi Kajian

Artikel ini merupakan satu artikel konseptual yang bertujuan untuk meneroka konsep dan bentuk pendekatan pengurusan pertikaian agama melalui pendekatan Alternatif Dispute Resolution (ADR) di Malaysia.

Kaedah Pengumpulan Data

Data -data dikumpul melalui pengumpulan artikel jurnal, buku, laporan rasmi, dan dokumen perundangan yang merangkumi bidang undang-undang, kajian perbandingan agama, serta sosiologi. Pangkalan data akademik seperti Google Scholar, Scopus, dan JSTOR digunakan untuk mengenal pasti sumber yang sahih dan terkini. Pemilihan literatur berdasarkan kata kunci seperti “ADR in religious disputes,” “conflict management in Malaysia,” dan “religious dispute resolution in Islamic law”.

Kaedah Analisis Data

Kajian ini akan menggunakan pendekatan induktif, deduktif dan perbandingan agi mengkaji hubungan antara ADR dan pengurusan isu pertikaian agama.

1. Analisis Tematik induktif: Penyelidik akan mengenal pasti pola umum yang muncul daripada kajian literatur mengenai konflik agama di Malaysia, seterusnya membina konsep atau model baru yang lebih spesifik kepada penyelesaian pertikaian agama melalui ADR. Ini melibatkan pemerhatian terhadap bagaimana ADR digunakan dalam menangani konflik agama di negara-negara lain serta implikasinya kepada konteks Malaysia.
2. Analisis Tematik deduktif: Penyelidik akan menggunakan teori-teori ADR yang sedia ada sebagai asas untuk menganalisis pengurusan pertikaian agama. Ini termasuk penggunaan teori mediasi, arbitrase, dan konsiliasi yang diaplikasikan dalam konteks perundangan agama di Malaysia.
3. Analisis Perbandingan Analisis perbandingan merupakan komponen penting dalam metodologi kajian ini. Ia akan melibatkan analisis terhadap kekuatan dan kelemahan : pendekatan ADR yang telah diterapkan dalam konteks pertikaian agama, terutamanya dari segi keberkesanan, keadilan, dan penerimaan oleh pelbagai pihak yang terlibat. Ia juga melibatkan penilaian kesesuaian ADR dengan isu isu agama di Malaysia.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Pelaksanaan Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) dalam pengurusan isu antara agama di Malaysia

Pelaksanaan Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) dalam pengurusan isu antara agama di Malaysia memainkan peranan penting dalam memelihara keharmonian dan perpaduan antara pelbagai kumpulan agama. Penyelesaian Pertikaian secara alternatif yang melibatkan rundingan, mediasi mahupun abritrase mempunyai matlamat akhir iaitu menyelesaikan masalah dengan damai agar dapat mewujudkan hubungan baik di masa depan serta mengekalkan hubungan manusia. Dalam Islam, seruan kepada penyelesaian pertikaian secara damai dalam dilihat dalam Firman Allah dalam Surah al-Hujarat:

“Dan jika dua golongan dari orang-orang Mukmin berperang maka damaikanlah antara keduanya. Tetapi jika salah satu dari kedua-duanya berlaku zalim terhadap yang lain, maka perangilah yang berlaku zalim itu sehingga kembali kepada perintah Allah; jika ia telah kembali, maka damaikanlah antara keduanya dengan adil, dan berlaku adillah. Sesungguhnya Allah mencintai orang-orang yang berlaku adil” (Al-Quran, al-Hujurat, 49:9).

Menurut Sahih Bukhari, diriwayatkan dari Anas bahawa Rasulullah SAW pergi melihat Abdullah bin Ubay dengan menaiki keldai dan ditemani oleh seorang lelaki Ansar. Tetapi ketika mereka tiba, seorang lelaki dari suku Abdullah bin Ubay berkata kepada Rasulullah bahawa bau keldai itu mengganggu. Jadi, seorang lelaki Ansar berkata kepada Abdullah bin Ubay bahawa bau keldai Rasulullah lebih baik daripada bau Abdullah bin Ubay. Ini menyebabkan seorang lelaki dari suku Abdullah bin Ubay marah dan mereka mula bergaduh dengan tongkat, kasut, dan tangan (Al-Sheikh, 2003). Oleh itu, ayat 9 Surah al-Hujarat diwahyukan. Berdasarkan ayat tersebut, jika berlaku pertikaian antara umat Islam, selesaikanlah dengan adil dan saksama untuk mencapai perdamaian.

ADR menurut Gibbons (2007) mentakrifkan perdamaian sebagai 'pihak ketiga yang bebas membantu pihak yang terlibat dalam pertikaian untuk menyelesaikan masalah mereka' dan pengantaraan sebagai 'pihak ketiga yang bebas membantu pihak yang bertikai menyelesaikan perbezaan mereka dan pihak yang bertikai memutuskan bagaimana pertikaian akan diselesaikan'. Kaedah ini membolehkan dialog yang konstruktif dan membina di antara pihak-pihak yang terlibat, yang mana ia sangat penting dalam mengelakkan konflik yang boleh mengancam kestabilan sosial negara. Melalui ADR, isu-isu seperti pertikaian mengenai tempat ibadat, penggunaan istilah agama, dan hal-hal yang berkaitan dengan perkahwinan campur dapat diselesaikan dengan cara yang lebih adil dan sensitif terhadap kepercayaan dan nilai-nilai agama masing-masing.

Agensi yang Terlibat dalam Pelaksanaan Penyelesaian Pertikaian Alternatif dalam Isu Antara Agama di Malaysia

Terdapat beberapa agensi yang terlibat secara langsung dalam pelaksanaan mahupun promosi ADR dalam penyelesaian isu antara agama di Malaysia iaitu:

1. Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN):

JPNIN bertanggungjawab dalam mempromosikan perpaduan nasional dan integrasi antara pelbagai kumpulan etnik dan agama di Malaysia. Mereka menggalakkan dialog antara agama untuk mengurangkan ketegangan dan meningkatkan pemahaman. JPNIN sering mengadakan program-program dialog antara agama yang melibatkan pemimpin agama dari pelbagai kepercayaan untuk membincangkan isu-isu sensitif dan mencari penyelesaian Bersama (Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional)(<https://www.jpnin.gov.my>)).

2. Majlis Perundingan Agama-Agama Malaysia (MPAJA):

MPAJA adalah badan yang memupuk kerjasama antara agama-agama utama di Malaysia untuk mempromosikan harmoni dan pemahaman. Mereka merangka dasar-dasar untuk memperkuat hubungan antara agama-agama. MPAJA mengadakan mesyuarat dan bengkel secara berkala di peringkat kebangsaan untuk membincangkan isu-isu keagamaan dan merancang pendekatan penyelesaian (Majlis Perundingan Agama-Agama Malaysia] (<http://www.mpaja.gov.my>).

3. Jabatan Perdana Menteri (Unit Kebebasan Beragama dan Penguatkuasaan (JKDBP):

JKDBP memastikan kebebasan beragama di Malaysia dan memantau serta menangani isu-isu berkaitan agama. Mereka terlibat dalam mediasi untuk mencapai penyelesaian dalam pertikaian agama. JKDBP berfungsi sebagai mediator dalam kes-kes pertikaian agama untuk mencapai penyelesaian yang adil dan damai antara pihak-pihak yang terlibat (Unit Kebebasan Beragama dan Penguatkuasaan, Jabatan Perdana Menteri] (<https://www.jpm.gov.my/jkdbp>).

4. Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)

Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM) memainkan peranan penting dalam pengurusan isu-isu antara agama di Malaysia dengan fungsi utamanya adalah untuk mempromosikan pemahaman yang mendalam tentang Islam dan menyumbang kepada dialog antara agama-agama. Peranan dan usaha IKIM dapat dilihat dengan jelas dalam beberapa perkara iaitu (<https://www.ikim.gov.my/>):

a. Penyelidikan dan Penerbitan:

IKIM mengadakan penyelidikan dan menerbitkan kajian-kajian berkaitan dengan isu-isu keagamaan dan keharmonian antara agama. Mereka menerbitkan buku-buku, artikel, dan kertas kerja yang membantu mengkaji serta mencari penyelesaian bagi isu-isu yang timbul.

b. Pengajaran dan Pendidikan:

IKIM menyediakan program-program pendidikan dan latihan untuk memupuk pemahaman yang lebih baik tentang Islam di kalangan masyarakat umum, termasuklah program interaksi antara agama untuk menggalakkan dialog dan saling memahami.

c. Dialog Antara Agama:

IKIM sering menjadi platform untuk mengadakan forum, seminar, dan perbincangan antara pemimpin agama dari pelbagai kepercayaan. Ini bertujuan untuk meningkatkan pemahaman antara penganut agama yang berbeza dan mempromosikan persefahaman yang lebih baik.

d. **Khidmat Nasihat dan Mediasi:**

IKIM turut menyediakan khidmat nasihat dan mediasi dalam penyelesaian pertikaian yang melibatkan isu-isu agama. Mereka bertindak sebagai mediator untuk membantu pihak-pihak yang terlibat mencapai penyelesaian yang harmoni dan adil.

Pendekatan Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) dalam Pengurusan Pertikaian Isu Agama di Malaysia

Terdapat beberapa pendekatan penyelesaian pertikaian alternatif (ADR) yang dilaksanakan di Malaysia adalah Rundingan (*Negotiation*), Mediasi (*Mediation*) dan Abritrasi.

i. **Rundingan (*Negotiation*)**

Rundingan adalah proses di mana individu atau kumpulan berusaha mencapai persetujuan dengan pihak lain untuk memenuhi keperluan atau mencapai matlamat masing-masing. Proses ini melibatkan interaksi di antara mereka, sama ada secara langsung, bertulis, atau melalui perantara. Dalam perundingan, mereka boleh menunjukkan sikap yang mesra, bermusuhan, mempertahankan kedudukan, atau bersedia menerima pendapat baru. Rundingan i memberikan ruang kepada pihak-pihak untuk berbincang secara langsung dan mencari penyelesaian yang sama-sama menguntungkan.

Rundingan tidak selalu berlaku secara sukarela. Dalam konteks lebih umum, kadangkala buruh dan pengurusan perlu berunding, begitu juga dengan individu yang terlibat dalam aduan, saman sivil, dan perceraian. Namun, jika peserta terpaksa menerima hasil tertentu tanpa peluang untuk memperjuangkan keperluan mereka, itu bukanlah perundingan. Kadang-kadang, keputusan yang ditetapkan dari atas atau secara paksa disampaikan sebagai perundingan, tetapi ini bukanlah perundingan (Bernard 2000: 143)

Rundingan juga berbeza dengan menyediakan maklumat atau pandangan kepada pembuat keputusan. Melainkan individu berusaha mencapai persetujuan bersama, mereka tidak terlibat dalam perundingan. Walau bagaimanapun, apabila mereka berusaha sedemikian, walaupun tekanan besar, kuasa tidak seimbang, dan pilihan terhad, proses itu adalah sesuatu bentuk perundingan (Bernard 2000 : 144)

Rundingan melibatkan *advokasi*. Sebagai perunding, individu memperjuangkan kepentingan mereka atau kepentingan individu atau kumpulan yang mereka wakili. Kadang-kadang, *advocator* tidak mempunyai peranan dalam proses membuat keputusan selain daripada mempromosikan kepentingan mereka sendiri atau kepentingan orang lain. Oleh itu, seorang perunding sentiasa menjadi seorang *advocator*, tetapi seorang *advocator* tidak semestinya mampu menjadi seorang perunding. Perunding memerlukan kemahiran kolaboratif atau fleksibel. Perkara penting dalam perundingan pengurusan pekerjaan utama berikut berlaku apabila beberapa orang kunci membuat keputusan berani untuk mencuba pendekatan yang kurang dikenali dan selesai (Bernard 2000: 145)

Dalam konteks Malaysia, pendekatan rundingan ini sesuai untuk isu-isu yang memerlukan penyelesaian cepat dan praktikal seperti penentuan ruang solat atau aktiviti agama di kawasan perumahan yang didiami oleh pelbagai agama. Sebagai contoh, proses penggunaan rundingan dalam pertikaian isu-isu antara agama adalah seorang mediator atau perunding yang berpengalaman dari masyarakat boleh diundang untuk memudah cara sesi perbincangan antara wakil-wakil dari dua kelompok agama yang berlainan. Contohnya, mungkin terdapat pertikaian berkaitan dengan penggunaan ruang atau kawasan untuk upacara keagamaan di kawasan yang berkongsi oleh pelbagai komuniti agama. Melalui sesi rundingan yang telus dan berstruktur, kedua-dua pihak dapat mencapai persetujuan mengenai jadual penggunaan ruang yang menghormati keperluan dan sensitiviti setiap komuniti agama yang terlibat.

Selain itu, dalam kes-kes di mana terdapat perselisihan mengenai penggunaan terminologi atau simbol agama dalam konteks awam, rundingan boleh membantu pihak-pihak berkenaan untuk mencapai kata sepakat yang menghormati nilai-nilai dan kepercayaan masing-masing, serta memelihara harmoni di kalangan pelbagai agama yang ada. Berdasarkan contoh-contoh ini, perundingan tidak hanya membantu mencapai penyelesaian yang praktikal dan berkeadilan, tetapi juga menggalakkan dialog dan saling faham memahami antara komuniti agama yang berlainan, mempromosikan keharmonian sosial dalam masyarakat yang pelbagai budaya dan agama seperti Malaysia.

Justeru itu, rundingan menawarkan kelebihan yang signifikan dalam menguruskan isu-isu antara agama di Malaysia. Melalui proses ini, pihak-pihak yang terlibat dapat berkomunikasi secara terbuka dan berdialog untuk mencapai penyelesaian yang saling memuaskan tanpa melibatkan proses mahkamah yang panjang dan mahal. Pendekatan ini juga memungkinkan penyesuaian yang lebih baik terhadap nilai-nilai agama yang berbeza, menjadikan setiap keputusan lebih sensitif terhadap kepercayaan dan keperluan masing-masing komuniti.

ii. Mediasi

ADR melibatkan proses seperti mediasi, di mana pihak-pihak yang terlibat dalam pertikaian akan dibantu oleh seorang mediator untuk mencapai persetujuan secara damai. Sebagai contoh, apabila berlaku pertikaian mengenai penggunaan istilah agama tertentu yang sensitif, mediasi membolehkan wakil-wakil daripada komuniti yang terlibat untuk berunding dan mencari jalan penyelesaian yang dapat diterima oleh semua pihak. Proses ini bukan sahaja mengurangkan ketegangan tetapi juga meningkatkan pemahaman antara pelbagai kumpulan agama.

Mediasi adalah kaedah yang paling banyak digunakan dalam Penyelesaian Pertikaian Alternatif (ADR) kerana pihak-pihak yang bertikai membuat keputusan penyelesaian pertikaian mereka sendiri. Menurut Amanullah (2015), mediasi adalah proses tidak mengikat di mana pihak ketiga digunakan sebagai mediator untuk menyelesaikan pertikaian. MacFarlane (1997) juga menyatakan bahawa mediasi adalah proses yang dikendalikan oleh pihak ketiga yang bertindak sebagai mediator neutral, dan kuasa terletak pada persetujuan pihak-pihak yang bertikai. Pandangan ini disokong oleh Kressell dan Pruitt (1985), yang mentakrifkan mediasi sebagai bantuan daripada pihak ketiga yang tidak mempunyai kuasa untuk membuat perjanjian bagi dua atau lebih pihak yang bertikai. Oleh itu, mediasi adalah proses penyelesaian pertikaian di mana pihak ketiga terlibat, tetapi keputusan terletak di tangan pihak yang bertikai.

Menurut Brown dan Marriott (1999), mediator perlu menggunakan prosedur, teknik, dan kemahiran tertentu untuk membantu pihak yang bertikai berunding dan mencapai persetujuan. Mediator tidak mempunyai peranan nasihat atau menentukan dalam mempertimbangkan kandungan pertikaian atau hasil penyelesaian tetapi boleh menasihati atau mengarahkan proses mediasi di mana penyelesaian dicuba (NADRAC, 1997). Proses ini berlaku secara sukarela antara pihak yang bertikai dan dibantu oleh mediator yang merupakan pihak ketiga neutral untuk meneliti masalah mereka, mengurus emosi mereka, menganalisis keperluan mereka, dan mewujudkan ruang yang selamat untuk mereka berunding dan mencapai penyelesaian dengan kehendak mereka sendiri (Ibrahim & Girls, 2020).

Dalam konteks Malaysia, terdapat beberapa contoh kes yang berjaya diselesaikan melalui mediasi dalam pengurusan isu-isu antara agama:

a. Kes Pertikaian Tanah di Tempat Sembahyang :

Terdapat kes di mana sebuah tanah di sekitar kawasan tempat sembahyang suatu agama digugat hak miliknya. Melalui mediasi, pihak-pihak yang berkepentingan berjaya mencapai penyelesaian yang memuaskan dengan mempertimbangkan nilai-nilai keagamaan dan undang-undang hartanah yang berkenaan.

b. Kes Gangguan Bising di Tempat Ibadah.

Terdapat pertikaian antara penduduk berhampiran dengan tempat ibadah berkenaan dengan kebisingan semasa ibadah. Mediasi telah digunakan untuk mencari penyelesaian yang memadai yang mengambil kira keperluan kedua-dua pihak tanpa merosakkan hubungan harmoni antara komuniti beragama.

c. Kes Pembinaan Rumah Ibadat:

Terdapat kes di mana terdapat pertikaian berkaitan dengan kebenaran pembinaan bangunan suci untuk satu agama di kawasan yang sensitif secara agama. Mediasi berjaya digunakan untuk merundingkan kompromi yang memuaskan antara kepentingan pembangunan dan keperluan pelestarian nilai-nilai keagamaan setempat.

Dalam konteks Malaysia, mediasi telah terbukti sebagai alat yang efektif dalam menyelesaikan konflik antara agama di Malaysia, sebuah negara berbilang kaum dan agama. Berikut adalah beberapa kelebihan utama mediasi dalam konteks ini, antaranya seperti penyelesaian secara damai dan harmoni. Mediasi menyediakan platform neutral untuk dialog terbuka, mengurangkan ketegangan dan mempromosikan hubungan yang lebih baik antara komuniti beragama. Selain itu, mediasi juga dikendalikan dengan Sukarela dan Pihak-pihak yang terlibat mempunyai kawalan penuh terhadap keputusan yang dicapai, dan dapat meningkatkan rasa tanggungjawab terhadap hasil penyelesaian.

Mediasi memastikan kerahsiaan tinggi terhadap perbincangan dan keputusan, melindungi *privasi* dan maruah pihak-pihak yang terlibat serta mengelakkan publisiti negatif. Berbanding dengan proses perundangan, mediasi menawarkan penyelesaian yang lebih cepat

dan kos yang lebih rendah, mengurangkan beban kewangan pihak-pihak yang terlibat. Apa yang lebih penting, proses mediasi boleh disesuaikan mengikut keperluan dan jadual pihak-pihak yang terlibat, membolehkan penyelesaian yang kreatif dan disesuaikan dengan situasi pihak yang bertikai. Secara tidak langsung, mediasi dapat meningkatkan komunikasi dan kefahaman antara pihak yang bertikai kerana mediasi menggalakkan dialog yang mengurangkan salah faham dan prasangka, mempromosikan nilai-nilai saling hormat-menghormati dan toleransi.

Secara keseluruhannya, menunjukkan bahawa mediasi berfungsi sebagai alat yang berkesan dalam menangani isu-isu keagamaan dengan mempromosikan dialog dan penyelesaian yang berasaskan kesepakatan bersama, memelihara keamanan dan harmoni dalam masyarakat yang berbilang agama.

iii. Arbitrasi

Arbitrasi ialah satu bentuk penyelesaian pertikaian alternatif di mana pihak-pihak yang bertikai bersetuju untuk menyerahkan pertikaian mereka kepada satu atau lebih individu, dikenali sebagai arbitrator, yang membuat keputusan yang mengikat. Proses arbitrasi biasanya lebih formal daripada mediasi tetapi kurang formal berbanding perbicaraan di mahkamah.

Ciri-ciri Utama Arbitrasi adalah:

- a. **Persetujuan Pihak:** Kedua-dua pihak yang terlibat perlu bersetuju untuk menggunakan arbitrasi sebagai kaedah penyelesaian pertikaian mereka. Persetujuan ini boleh dinyatakan dalam kontrak atau dibuat selepas pertikaian timbul.
- b. **Pemilihan Arbitrator:** Pihak-pihak mempunyai kebebasan untuk memilih arbitrator mereka. Arbitrator yang dipilih biasanya mempunyai kepakaran dalam bidang yang berkaitan dengan pertikaian tersebut.
- c. **Proses Tertutup dan Rahsia:** Berbeza dengan prosiding mahkamah yang biasanya terbuka kepada umum, arbitrasi dijalankan secara tertutup dan keputusan serta perbincangan dalam proses ini dirahsiakan.
- d. **Prosedur yang Lebih Fleksibel:** Prosedur arbitrasi boleh disesuaikan mengikut keperluan pihak-pihak yang terlibat, menjadikannya lebih fleksibel berbanding perbicaraan di mahkamah.
- e. **Keputusan Mengikat:** Keputusan yang dibuat oleh arbitrator adalah mengikat dan boleh dikuatkuasakan oleh mahkamah, sama seperti keputusan mahkamah.
- f. **Lebih Cepat dan Kos Efektif:** Proses arbitrasi biasanya lebih cepat dan kosnya lebih rendah berbanding perbicaraan di mahkamah, kerana prosesnya yang lebih ringkas dan kurang birokrasi.

Dalam konteks Malaysia, Arbitrasi Ini amat berguna dalam kes-kes yang kompleks seperti pertikaian tanah yang melibatkan tempat ibadat. Arbiter akan mendengar hujah-hujah daripada kedua-dua belah pihak dan membuat keputusan yang adil berdasarkan bukti dan undang-undang yang relevan.

Secara keseluruhan jadual perbandingan pendekatan penyelesaian pertikaian alternatif

yang digunakan dalam isu antara agama di Malaysia dapat dirumuskan dalam jadual di bawah:

Kriteria	Rundingan	Mediasi	Arbitrasi	Mahkamah
Definisi	Proses di mana pihak-pihak terlibat berbincang secara langsung untuk mencapai penyelesaian.	Proses penyelesaian konflik dengan bantuan pihak ketiga yang neutral (mediator).	Proses penyelesaian konflik di mana keputusan dibuat oleh pihak ketiga yang neutral (<i>arbitrator</i>).	Proses formal di mana hakim membuat keputusan yang mengikat berdasarkan undang-undang.
Peranan Pihak Ketiga	Tiada pihak ketiga.	Mediator membantu memfasilitasi perbincangan tetapi tidak membuat keputusan.	<i>Arbitrator</i> membuat keputusan yang mengikat.	Hakim membuat keputusan yang mengikat berdasarkan undang-undang.
Kerahsiaan	Kerahsiaan bergantung kepada persetujuan pihak-pihak.	Proses dan hasil biasanya dirahsiakan.	Proses dan keputusan biasanya dirahsiakan.	Prosiding biasanya terbuka kepada umum, tetapi beberapa kes mungkin dirahsiakan.
Kawalan Keputusan	Pihak-pihak mempunyai kawalan penuh terhadap keputusan.	Pihak-pihak mempunyai kawalan penuh terhadap keputusan.	Keputusan dibuat oleh <i>arbitrator</i> dan mengikat.	Keputusan dibuat oleh hakim dan mengikat.
Keberkesanan Penguatkuasaan	Sukar untuk dikuatkuasakan secara undang-undang.	Bergantung kepada persetujuan pihak-pihak untuk mematuhi.	Keputusan boleh dikuatkuasakan melalui mahkamah.	Keputusan dikuatkuasakan oleh undang-undang negara.
kos dan Masa	Biasanya kurang kos dan masa berbanding mediasi, arbitrasi, dan mahkamah.	Lebih cepat dan murah berbanding litigasi, tetapi mungkin lebih mahal daripada rundingan.	Biasanya lebih cepat daripada litigasi tetapi boleh mahal bergantung kepada <i>arbitrator</i> .	Biasanya memerlukan masa yang lama dan kos yang tinggi.

Kefleksibelan Proses	Sangat fleksibel, pihak-pihak menentukan proses.	Fleksibel, mediator membantu menstrukturkan perbincangan.	Lebih formal, tetapi masih lebih fleksibel berbanding litigasi.	Sangat formal dan terikat dengan prosedur undang-undang yang ketat.
Hak untuk Merayu	Tidak berkenaan.	Tidak berkenaan, keputusan berasaskan persetujuan bersama.	Terhad, keputusan arbitrator biasanya muktamad.	Pihak boleh merayu kepada mahkamah yang lebih tinggi.
Kesediaan Pihak	Bergantung kepada kesediaan semua pihak untuk berunding.	Memerlukan kesediaan semua pihak untuk terlibat dalam proses.	Semua pihak perlu bersetuju untuk mengikut proses dan keputusan arbitrator.	Semua pihak diwajibkan untuk terlibat setelah saman dikeluarkan.
Sesuai untuk Konflik	Konflik sederhana yang tidak memerlukan campur tangan pihak ketiga.	Konflik yang memerlukan fasilitasi pihak ketiga untuk mencapai kesepakatan.	Konflik yang memerlukan keputusan mengikat dan penguatkuasaan.	Konflik yang kompleks dan memerlukan keputusan berlandaskan undang-undang.
Contoh Isu Antara Agama	- Perbezaan pendapat mengenai penggunaan pembesar suara di tempat ibadah. - Jadual waktu upacara keagamaan di kawasan kediaman.	- Konflik berkaitan penggunaan perkataan "Allah" dalam penerbitan agama lain. - Isu mengenai sambutan perayaan keagamaan di kawasan bercampur agama.	- Pertikaian hak milik tanah yang digunakan untuk tujuan keagamaan. - Pertikaian mengenai penempatan tempat ibadah baru di kawasan yang sensitif.	- Pertikaian hak penjagaan anak selepas salah satu ibu bapa memeluk agama lain. - Kes murtad atau penukaran agama yang memerlukan pengesahan undang-undang.

Sumber: Nur Farhana 2024

Cabaran Perlaksanaan Pertikaian Alternatif dalam Pengurusan Isu Antara Agama di Malaysia

Tidak dinafikan, wujudnya cabaran yang perlu diambil kira dalam pendekatan pertikaian alternatif ini. Dalam konteks rundingan, salah satu kelemahan utama ialah ketidakseimbangan kuasa di antara pihak-pihak yang terlibat. Jika salah satu pihak mempunyai kuasa yang besar atau pengaruh yang dominan, proses rundingan mungkin tidak berlangsung secara adil dan setara, yang boleh mengakibatkan penyelesaian yang tidak memuaskan semua pihak. Selain itu, dalam sesetengah kes, rundingan mungkin tidak boleh dipaksa jika pihak-pihak tidak bersetuju untuk berunding, menyebabkan pencarian penyelesaian hanya melalui proses mahkamah sebagai alternatif terakhir.

Cabaran pelaksanaan mediasi pula, antaranya seperti ketidaksetujuan atau penolakan pihak untuk terlibat secara sukarela yang boleh menggagalkan proses. Selain itu, keputusan mediasi tidak mempunyai kuasa penguatkuasaan undang-undang yang sama seperti keputusan mahkamah, menyebabkan kesulitan dalam memastikan kepatuhan. Keberkesanan mediasi juga sangat bergantung kepada kebolehan mediator untuk tetap neutral dan tidak berpihak, yang jika gagal, boleh menjejaskan kepercayaan terhadap proses tersebut. Mediasi mungkin hanya menangani simptom masalah tanpa menyelesaikan akar punca konflik dan kurang berkesan dalam menangani isu-isu yang sangat kompleks atau di mana terdapat ketidakseimbangan kuasa yang ketara antara pihak-pihak terlibat. Kekurangan mediator yang berpengalaman juga boleh menjejaskan keberkesanan proses mediasi.

Cabaran dalam pelaksanaan Arbitrasi juga wujud antaranya seperti, tiada hak rayuan ini kerana keputusan arbitrator biasanya adalah muktamad dan tidak boleh dirayu, kecuali dalam kes-kes yang sangat terhad. Selain itu, kos Arbitrator lebih tinggi berbanding pendekatan alternatif lain. Walaupun kos keseluruhan mungkin lebih rendah, bayaran kepada arbitrator boleh menjadi tinggi, terutamanya jika arbitrator tersebut adalah pakar dalam bidang tertentu. Tambahan lagi, proses Arbitrasi kurangnya formaliti boleh menyebabkan proses arbitrasi menjadi kurang sistematik dan teratur. Walaupun keputusan arbitrasi mengikat, penguatkuasaannya mungkin memerlukan tindakan lanjut di mahkamah jika salah satu pihak enggan mematuhi keputusan.

Berdasarkan cabaran di atas, dapat dirumuskan bahawa cabaran pendekatan alternatif ini berlaku kepada Pihak Penyelesai dan Pihak yang bertikai dan persekitaran. Antara cabaran yang paling banyak berlaku adalah seperti:

1. Campur Tangan Pihak Ketiga

Campur tangan pihak ketiga, terutama yang mempunyai kepentingan tertentu, adalah salah satu cabaran utama dalam proses mediasi. Mereka cenderung memburuk keadaan dan menghalang proses penyelesaian konflik. Kehadiran mereka sering kali menyebabkan ketegangan meningkat dan menyukarkan pihak yang bertikai untuk mencapai penyelesaian yang

dipersetujui bersama.

2. Kekurangan Latihan Profesional Perunding/Mediator/Abriator

Perunding/ Mediator/Abriator yang tidak terlatih atau kurang berpengalaman merupakan satu lagi halangan dalam proses mediasi. Latihan profesional mediator adalah penting untuk memastikan mereka mempunyai kemahiran yang diperlukan untuk mengendalikan proses mediasi dengan berkesan. Mediator yang terlatih dapat membantu pihak yang bertikai untuk mencapai penyelesaian yang adil dan saksama.

3. Personaliti Perunding, Mediator/Abriator

Personaliti juga memainkan peranan penting dalam kejayaan proses mediasi. Mediator perlu mempunyai sifat yang sabar, adil, dan mampu mengawal emosi. Mereka juga perlu bijak dalam menguruskan perasaan dan emosi pihak yang bertikai supaya proses mediasi dapat berjalan dengan lancar.

4. Kerjasama Pihak yang Bertikai

Kerjasama dari kedua-dua pihak yang bertikai adalah penting dalam memastikan kejayaan proses mediasi. Tanpa kerjasama yang baik, proses mediasi akan menjadi sukar dan kemungkinan untuk mencapai penyelesaian yang dipersetujui bersama akan berkurangan. Pihak yang bertikai perlu bersedia untuk berkompromi dan mencari jalan tengah bagi menyelesaikan pertikaian mereka.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, ADR menawarkan pendekatan yang lebih manusiawi dan pragmatik dalam menguruskan isu-isu antara agama di Malaysia. Ia memupuk dialog yang konstruktif, menghormati kepelbagaian agama, dan membantu mewujudkan keharmonian sosial yang berpanjangan. Dengan memperkukuhkan penggunaan ADR, Malaysia dapat terus mengekalkan kestabilan dan perpaduan di kalangan rakyatnya yang berbilang agama dan bangsa.

Penghargaan

Sekalung Penghargaan kepada Geran Penyelidikan PP 2023-015 Amalan Pengurusan Isu Isu Keharmonian Beragama di Malaysia dan Brunei.

Rujukan

- Amanullah, M. (2015). *Mediasi: Kaedah Penyelesaian Pertikaian Alternatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azahari, A. (2009). *Mediasi dalam Islam: Konsep dan Pelaksanaannya*. Kuala Lumpur:

Dewan Bahasa dan Pustaka.

Aziz, A. (2009). *Isu Sensitiviti Agama di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Brown, H., & Marriott, A. (1999). *ADR: Principles and Practice*. London: Sweet & Maxwell.

Bernard Mayer (2000). *The Dynamic of Conflict Resolution. A practioner guide*. Josey Bass: Willey

Fiadjoe, A. (2004). *Alternative Dispute Resolution: A Developing World Perspective*. London: Cavendish Publishing.

Ibrahim, N., & Girls, S. (2020). *Mediation in the Context of Religious Conflicts in Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Islam, M. (2012). Provision of Alternative Dispute Resolution Process in Islam. *IOSR Journal of Business and Management*, 6, 31-36. <https://doi.org/10.9790/487X-0633136>.

Meerangani, N., & Ramli, N. (2016). *The Use of the Term Allah: A Legal Perspective*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nur Farhana Abdul Rahman . 2022. *Religious Sensitivities in Malaysia: An Overview*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.